



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld. XIV (1)
9 Mac 1998

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2/1998:
Mempergiat Dan Memperluas Program Dan Aktiviti Pertanian Di Sekolah**

Pertanian merupakan salah satu sektor penting dalam pembangunan ekonomi negara. Dalam menangani kegawatan ekonomi sekarang, peningkatan aktiviti pertanian bukan sahaja dapat menambah pengeluaran bahan makanan yang akan membantu negara kurang bergantung kepada bahan makanan yang diimport, tetapi juga akan memperbaiki lagiimbangan perdagangan negara. Murid-murid hendaklah diasuh supaya dapat menghayati kepentingan sektor pertanian dalam pembangunan negara.

2. Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan menyambut saranan dan seruan kerajaan supaya semua pihak berusaha menambah pengeluaran makanan serta memperkukuhkan lagi amalan berjimat cermat di kalangan rakyat. Sekolah-sekolah hendaklah memperluas dan mempertingkatkan lagi program dan aktiviti pertanian yang sedang dilaksanakan dalam kurikulum atau dalam aktiviti kokurikulum, seperti melalui Kelab Pertanian/Kelab Kemahiran Hidup. Keutamaan sokongan dan galakan hendaklah diberikan kepada murid-murid untuk menjalankan aktiviti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, perusahaan akuakultur, terutamanya di sekolah-sekolah yang mempunyai kawasan yang luas. Bagi sekolah-sekolah yang terbatas kawasannya, penanaman sayur-sayuran mengikut kaedah hidroponik hendaklah dilaksanakan. Sekolah-sekolah bolehiah mendapatkan kerjasama dan bantuan khidmat nasihat daripada agensi-agensi seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, FAMA dan Pertubuhan Peladang setempat bagi menjayakan program pertanian masing-masing.

3. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/ Datin / Tuan / Puan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATUK MATNOR DAIM
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
 7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 8. Ketua Nazir Sekolah
 9. Pegawai Perhubungan Awam

